

FEBRUARI
2021

Aspirasi
Kemajuan

PKNP

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknpp.gov.my



SEKALUNG *Tahniah*

Diucapkan kepada
YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
MENTERI BESAR PAHANG

Yang dikurniakan
Darjah Kebesaran Seri Utama Mahkota Wilayah Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2021

Yang Membawa Gelaran
DATUK SERI UTAMA

Ikhlas daripada
Ahli Perbadanan, Pengurusan
dan
Seluruh Warga Kerja PKNP

Kuantan, 1 Februari – Ahli Perbadanan, Pengurusan dan anggota pekerja PKNP merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail merangkap Pengerusi PKNP di atas penganugerahan Darjah Kebesaran Seri Utama Mahkota Wilayah Sempena Hari Wilayah Persekutuan 2021 dan membawa gelaran Datuk Seri Utama.

PKNP SUMBANG RM 200,000 KEPADA TABUNG BENCANA NEGERI PAHANG

Kuantan, 8 Februari - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) hari ini menyerahkan sumbangan berjumlah RM200,000 kepada Tabung Bencana Negeri Pahang. Sumbangan ini diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal bin Jaafar kepada YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail dalam satu upacara ringkas di pejabat Menteri Besar Pahang. Adalah diharapkan melalui sumbangan yang kecil ini dapat memberi manfaat kepada rakyat Pahang yang terjejas dengan musibah banjir baru-baru ini.



Encik Mohd Faizal menyerahkan replika cek kepada Menteri Besar Pahang

PKNP ATUR MESYUARAT/TAKLIMAT PENILAIAN IMPAK (SIA) TAMP DENGAN JABATAN/AGENSI TEKNIKAL



Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Encik Mohd Faizal mempengerusikan mesyuarat

Kuantan, 25 Februari – PKNP melalui Bahagian Perindustrian telah mengatur sesi mesyuarat/taklimat berkaitan Penilaian Impak (SIA) bagi Tanjung Agas Maritime Park (TAMP) baru-baru ini.

Mesyuarat/taklimat ini diadakan bertujuan untuk memberi kefahaman kepada semua jabatan dan agensi teknikal yang terlibat bagi cadangan penambahan kawasan secara tebusguna di Kawasan Perindustrian Tanjung Agas.

Ini adalah bagi memastikan laporan kajian penilaian Impak sosial (SIA) bagi projek tersebut diluluskan yang mana menjadi salah satu syarat kelulusan bagi laporan EIA jadual II (reclamation) Projek TAMP di Pekan, Pahang.

Turut hadir adalah wakil daripada Plan Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Laut Malaysia, Ikim, TGA Solutions, Perunding EIA dan SIA. Pihak PKNP diwakili oleh Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman dan Puan Dhaleazafarina Md Zabani.



Mesyuarat kali ini mengambil tempat di PKNP

RASB LAKSANA MISI BANTUAN BANJIR UNTUK USAHAWAN TENUN DAN PENENUN - Penenun di Pekan, Pahang

Pekan, 1 Februari - Realistic Attraction Sdn Bhd, (RASB) anak syarikat milik penuh PKNP telah melaksanakan Misi Bantuan Banjir 2021 yang disasarkan kepada Usahawan Tenun dan Penenun- Penenun di Pulau Keladi & Temai, Pekan, Pahang.

Misi bantuan ini adalah bertujuan memberi sumbangan kepada 40 usahawan-usahawan dan penenun di Pulau Keladi & Temai, Pekan, Pahang yang terjejas akibat banjir yang melanda baru-baru ini.



Puan Noraini menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima



Barisan anggota pekerja RASB yang terlibat untuk Misi Bantuan Banjir

Misi ini telah diketuai oleh Puan Noraini binti Misran selaku Ketua Pegawai Operasi di RASB. Pihak pengurusan dan anggota pekerja RASB mengharapkan sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu usahawan tenun dan penenun-penenun bagi meringankan bebanan akibat musibah banjir yang melanda.

KUANTAN DIISYTIHAR BANDARAYA

Kuantan, 22 Februari - Tanggal 21 Februari 2021 menjadi satu tarikh penting dalam catatan sejarah negeri Pahang Darul Makmur apabila ibu negeri, Kuantan telah dimasyhur sebagai sebuah Bandaraya oleh Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Kuantan sebagai pusat pentadbiran dan perniagaan adalah bandar kedua di Pantai Timur diiktiraf sebagai Bandaraya selepas Kuala Terengganu.

Menyingkap sejarah tempatan, Kuantan dikatakan telah wujud sejak 1850-an lagi dan ianya dikenali sebagai Kampung Teruntum yang terletak di hulu Sungai Kuantan. Penempatan awal bandar Kuantan bermula di Tebing Sungai Kuantan dan pada ketika itu tertumpu kepada aktiviti perikanan dan perniagaan.

Pada awal 1900, sistem berkerajaan tempatan telah diwujudkan di Kuantan bermula pada tahun 1913 dengan penubuhan Kuantan Sanitary Board.

Semasa era residensi British di Tanah Melayu, ibu Negeri Pahang dipindahkan dari Kuala Lipis ke Kuantan pada 27 Ogos 1955 lalu menjadikan Kuantan sebagai pusat pentadbiran yang baharu.

Malah dengan tertubuhnya Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) pada tahun 1979, Kuantan terus berkembang sebagai pusat pentadbiran, ekonomi, perindustrian dan pelancongan.

Kini, sebagai sebuah Bandaraya dengan populasi lebih daripada 500,000 sehingga tahun 2020, kerajaan negeri akan terus menumpukan kepada usaha peningkatan kesejahteraan dan perkhidmatan yang mengutamakan rakyat.

Tambahan pula, Menara Kuantan 188 dan Jambatan Putra adalah antara infrastruktur terbaharu di bandar ini yang akan menjadi destinasi pelancongan dan membawa limpahan ekonomi kepada penduduk setempat. Semoga Bandaraya Kuantan terus maju dan sejahtera.



SEKALUNG TAHNIAH

SEMPENA PEMASYHURAN KUANTAN
SEBAGAI

BANDARAYA

pada
21 Februari 2021 (Ahad)

Tahniah daripada
Pengerusi,
Ahli Perbadanan, Pengurusan
serta
Seluruh Anggota Pekerja PKNP



TAHNIAH DI ATAS KENAIKAN PANGKAT

Kuantan, 24 Februari – Tahniah diucapkan kepada Puan Wan Suriana binti Wan Shariff dari Bahagian Hal Ehwal Korporat dan Puan Mazlina binti Mohidin dari Bahagian Pemasaran & Pengurusan Harta di atas kenaikan pangkat Pembantu tadbir Gred N19 ke Gred N22 secara time - based berasaskan kecemerlangan (TBK1) Khas Untuk Penyandang (KUP) berkuat kuasa masing - masing pada 1 April 2020 dan 1 Julai 2020.



"Tahniah"- Ketua Pegawai Eksekutif bergambar bersama dua orang kakitangan PKNP yang mendapat kenaikan pangkat

PROJEK PERUMAHAN CHENDOR DI BANDAR BAHARU CHENDOR

Projek Perumahan Chendor kini dibuka untuk pendaftaran bermula Februari 2021 dengan harga serendah RM 169,800 untuk para pembeli awal. Rumah teres setingkat ini merupakan projek terbaharu RTDE Sdn Bhd.

PROJEK PERUMAHAN CHENDOR

UNIT ADALAH TERHAD

HARGA DARI ~~RM199,800.00~~ **RM169,800.00** PEMBELI TERAWAL

REBATE RM20,000.00 ✓
 DIBUKA UNTUK PENDAFTARAN ✓
 RUMAH TERES SETINGKAT ✓

HUBUNGI :
 019-333 1577
 014-908 1577
 09-575 1599

www.rtde.com.my


PETA LOKASI

PELAN LANTAI

NOTA: RUMAHAN BUNGA / BERSEKUTUAN BERKUALITI TERHAD UKURAN
 PELAN LANTAI DUN FOSKAL, ABERGEE, DATI PAHANG BERSEKUTUAN

STRUKTUR	Konkrit bertulang	CAT	Dinding luaran - Car berasaskan akrilik
BUMBUNG	Genlun Konkrit		Dinding dalaman - cat emulsi
DINDING	Bata simen pada dinding & bata tanah liat pada dinding pemisah	PASANGAN ALAT SANITARI	Tandas duduk Sinki Pancuran mandi Sinki dapur
KEMASAN DINDING	1600mm jubin seramik di bilik mandi & dapur	PASANGAN ELEKTRIK	Punca mala lampu Punca mala kipas 13 amp
KEMASAN LANTAI	Lepapan simen di lantai luaran	PAGAR	1500mm pagar berangkai
SILING	Jubin seramik di lantai dalaman		
TINGKAP	Tingkap berbingkai aluminium		
PINTU	Pintu gelongsor berbingkai aluminium Pintu papan lapis Pintu PVC		

SELAMAT MENYAMBUT PERAYAAN TAHUN BARU CINA



Kuantan, 11 Februari - Tahun Baru Cina (Chinese New Year) merupakan antara perayaan terpenting masyarakat Tionghua dan akan disambut pada hari esok, 12 Februari 2021.

Mengikut Kalendar tradisional Cina, 12 Februari menandakan bermulanya Tahun Lembu.

Walaupun sambutan tahun ini akan berbeza berbanding tahun sebelumnya, perkara paling utama adalah untuk saling menjaga keselamatan dan mematuhi arahan pihak berkuasa ketika musim perayaan ini.

Kepada seluruh masyarakat Tionghua, PKNP ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina dan Gong Xi Fa Cai.

KERAJAAN PUSAT LAKSANA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT BERMULA DI NEGERI PAHANG

Kuantan, 26 Januari - Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan bersyarat (PKPB) di seluruh Negeri Pahang bermula 19 Februari 2021 sehingga 4 Mac 2021.

Selain dari negeri Pahang, PKPB juga dikuatkan di Perak, Sabah, Negeri Sembilan, Terengganu, Kelantan, Melaka, Kedah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Seluruh anggota pekerja PKNP diminta untuk mematuhi arahan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Sidang Redaksi

Penaung / Penasihat
 Encik Mohd Faizal bin Jaafar
 KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Penyelaras Penerbitan
 Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

Ketua Editor
 Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

Grafik
 Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli
 Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

Jurufoto
 Encik Saiful Azli bin Yahia
 Encik Nik Mohd Khasyimi bin Nik Kamarulzaman

Firman Allah S.W.T : Daripada Abu Sa'id Al Khudri dan Abu Hurairah RA daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah seorang Muslim yang ditimpa suatu penyakit dan keletihan, kegusaran dan kesedihan, gangguan dan kesusahan, bahkan duri yang melukainya melainkan Allah SWT akan menghapus kesalahan-kesalahannya." (Hadith riwayat al-Bukhari, No : 5641, Muslim, No : 2573, at-Tirmizi, No : 966, Ahmad, No : 7684, 8070, 10714)